

# Agrobank bantu asnaf, B40 sertai bisnes ternakan udang galah

**PETALING JAYA** – Agrobank telah menganjurkan Program Hijrah Asnaf Aquaprenuer Udang Galah di Institute of Aquaculture and Aquatic Sciences (I-AQUAS) Port Dickson, Negeri Sembilan bertujuan untuk melakukan kerja-kerja pembersihan kawasan penternakan udang galah.

Program khidmat masyarakat ini dianjurkan di bawah Program Inkubator Keusahawanan Aquapreneur Pembentahan Udang Galah dan ia dijayaikan bersama Agrobank Centre of Excellence (ACE), Institute of Aquaculture and Aquatic Sciences (I-AQUAS), Universiti Putra Malaysia (UPM), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) serta syarikat peneraju, Benih Udang Port Dickson (BUPD).

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, program pembangunan komuniti berstruktur ini adalah untuk menggalakkan golongan asnaf dan B40 menceburi bidang keusahawanan.

Menurutnya, melalui peruntukan dana yang disalurkan, peserta akan menjalani latihan praktikal dalam bidang akuakultur serta diberi pendidahan tentang ilmu keusahawanan selama enam bulan.

“Usaha ini juga dapat membasi masalah kemiskinan melalui peluang pekerjaan yang dibuka terutama kepada golongan belia yang berminat untuk menceburi sektor perikanan dan keusahawanan.

“Pendapatan yang dijana hasil daripada ternakan udang galah dapat menyara keperluan dan kos sara hidup yang kian meningkat,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Setiap peserta akan diberikan empat tangki ternakan, 70,000 benih udang galah serta keperluan lain seperti dedak dan bekalan air.

Hasil ternakan udang galah akan dijual semula kepada syarikat peneraju pada harga yang ditetapkan.

Program khidmat masyarakat ini dibantu oleh lepasan graduan yang pernah menerima tajaan biasiswa Agrobank.